

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 16

### Program inisiatif beri impak positif golongan muda B40

# Program inisiatif beri impak positif golongan muda B40

## Kursus kendalian UPM tingkat kemahiran peserta dalam bidang pertanian

Dleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
thnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang dikendalikan Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi impak positif kepada golongan muda B40 dalam bidang pertanian.

Peserta latihan Program Kecemerlangan Industri Pertanian selama setahun di universiti itu, mendapat pendedahan kemahiran pertanian moden dari segi teori dan praktikal.

Nur Razam Hamid, 25, tidak melepaskan peluang ditawarkan kerana baginya bidang pertanian sangat meluas dan memerlukan latihan profesional serta bantuan infrastruktur pertanian yang sukar untuk diperolehi.

Beliau berminat dalam bidang pertanian sejak zaman persekolahan kerana ibu bapanya mengerjakan ladang kelapa

sawit di kampung.

"Bagi saya minat sahaja tidak mencukupi tanpa ilmu pertanian, lebih-lebih lagi zaman sekarang dengan pelbagai infrastruktur pertanian yang canggih.

"Program ini sangat membantu saya untuk mendapatkan latihan secara teori dan amali bagi menjadi petani muda moden yang mempunyai perniagaan kelak," katanya.

Ummu Hani Abdu Razak, 23, yang berasal dari Muar, Johor dan baru menamatkan pengajian di UPM, tidak mengambil jurusan pertanian.


Bagaimanapun, minatnya dalam bidang keusahawanan menjadi faktor utama menyertai program berkenaan.

"Saya bercita-cita membuka ladang berkonsepkan agropelancongan supaya pelanggan dapat menikmati pengalaman memetik sayur dan buah-buahan seakan berada di kebun sendiri.

"Saya juga berhasrat membekalkan sayur dari ladang kepada pasar raya dan kedai runcit di sekitar Johor," katanya yang mahu menggunakan peluang yang diberikan itu sebaiknya.

### **Ningkat kualiti pertanian**

Bagi Khairul Najmi Ainal Idham, peluang terpilih menyertai program itu memberi peluang kepadanya menjaga tanaman sehingga memperoleh hasil yang



Khairul Najmi menyertai Program Inisiatif Pendapatan Rakyat menerusi Inisiatif Usahawan Tani yang dikendalikan UPM di Serdang, baru-baru ini.

banyak dan berkualiti.

Ketika menuai hasil buah rock melon, katanya, segala kepenatan dilupakan selepas memperoleh hasil yang sihat dan berkualiti berkat penjagaan rapi bersama peserta program.

"Kita perlu bersyukur kerana pertanian zaman sekarang tidak terlalu memenatkan berbanding sebelum ini kerana pemeraksanaan sektor pertanian menggunakan internet pelbagai benda (IoT).

"Gabungan IoT dan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pertanian ini dapat me-

ingkatkan produktiviti, kecekapan tanaman dan mengurangkan kos pengeluaran serta tenaga kerja," katanya.

UPM sebelum ini melancarkan IPR Usahawan Tani di bawah Kementerian Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui teknologi pertanian.

Tempoh latihan bagi peserta Program Kecemerlangan Industri Pertanian adalah setahun bagi sektor agropreneur dan setahun setengah bagi sektor akua-kultur.